



ISTILAH *HASAN* MENURUT AL-DARAQUTNI DALAM KITAB *AL-'ILAL AL-WARIDAH FI AL-AHADITH AL- NABAWIYYAH*

(Terminology of *Hasan* According to al-Daraqutni in Kitab *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*)

Mohd Aizul bin Yaakob¹, Roshimah binti Shamsudin²

¹ Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis

² Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Abstract

The terminology of *hasan* has sparked polemics from the stand point of its definition which brings forth differences of opinion among hadith scholars. In addition to the debate on the definition of *hasan* which is often associated with al-Tirmidhi and al-Khattabi, other hadith scholars also use this term. One of them is al-Daraqutni. This study therefore, aims to examine the use of the term *hasan* according to al-Daraqutni in his work entitled *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*. In conducting this study, a library research method in the form of document analysis was used. The data obtained were then analyzed based on inductive and deductive methods. The findings of the study demonstrate that the term *hasan* applied by al-Daraqutni refers to its literal meaning that is good or fine. Apart from that, the term *hasan* according to him also carries the meaning of *gharib*. This statement is based on his commentary on certain sanad narrated individually by a single narrator; from the additional comment that only one narrator took the narration from his teacher. Thus, it can be deduced that the term *hasan* applied by al-Daraqutni does not deviate from the meaning of *hasan* assigned by some other scholars of hadith.

Kata Kunci: The terminology of *hasan*, al-Daraqutni, *al-'Ilal al-Waridah*, *gharib*.

Article Progress

Received: 15 July 2021

Revised: 31 October 2021

Accepted: 21 November 2021

*Corresponding Author:

Roshimah binti Shamsudin.

Pusat Pengajian Ilmu

Kemanusiaan, Universiti

Sains Malaysia

Email:

roshimah@usm.my

PENDAHULUAN

Kitab *al-Jami'* karangan al-Tirmidhi (m. 279 H) merupakan antara kitab terawal yang banyak menggunakan istilah *hasan*. Walaupun begitu, Ibn al-Salah (m. 643 H) menjelaskan bahawa istilah *hasan* bukanlah pertama kali digunakan oleh al-Tirmidhi. Malah, ia telah dipakai oleh guru-gurunya dan *tabaqah* perawi sebelumnya lagi seperti Ahmad bin Hanbal (m. 241 H), al-Bukhari (m. 256 H) dan selain mereka berdua.¹ Bahkan menurut Ibn Hajar (m. 852 H), penggunaan istilah ini adalah lebih awal daripada tokoh-tokoh dan perawi-perawi tersebut.² Berdasarkan catatan al-Durays, istilah ini telah dipakai oleh sarjana yang hidup pada penghujung kurun pertama Hijrah lagi. Mereka adalah seperti 'Abd Allah bin Syaddad (m. 81 / 83 H), 'Urwah bin al-Zubayr (m. 94 H) dan Ibrahim al-Nakha'i (m. 96 H).³ Ini menunjukkan bahawa istilah ini telah digunakan pada zaman tabiin lagi.

Istilah *hasan* yang dipakai oleh para sarjana hadith memiliki makna yang pelbagai. Sebahagian dalam kalangan mereka mempraktikkan istilah ini berdasarkan maknanya dari sudut bahasa. Namun, sebahagian yang lain pula menggunakan istilah ini berdasarkan makna istilah yang khusus di sisi

¹ Ibn al-Salah, Abu 'Amru 'Uthman bin 'Abd al-Rahman Al-Syahrzuri (2017), *'Ulum al-Hadith* tahqiq Nur al-Din 'Itr, c. 22, Bayrut: Dar al-Fikr, h. 36.

² Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani (2013), *Al-Nukat 'ala Kitab Ibn al-Salah wa 'ala Nukat al-'Iraqi* tahqiq 'Ali 'Abd al-Basit Mazid, c. 1, Kaherah: Maktabah al-Iman, h. 150.

³ Al-Durays, Khalid bin Mansur (20005), *Al-Hadith al-Hasan li Dhatih wa li Ghayrih*, c. 1, Riyadh: Dar Adwa' al-Salaf, h. 44-45.

mereka. Fenomena ini disentuh oleh Ibn al-Salah, iaitu di akhir perbincangan beliau berkenaan hadith *hasan*, iaitu seperti berikut:

*“Tidak dinafikan bahawa sebahagian daripada mereka yang menggunakan istilah ini menginginkan maksud hasan dari sudut bahasa, iaitu sesuatu yang disukai dan tidak diingkari oleh hati. Mereka tidak memaksudkannya dengan makna istilah yang khusus sebagaimana yang telah kami bantangkan sebelum ini”*⁴

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa sebahagian ulama hadith terdahulu menggunakan istilah *hasan* untuk merujuk kepada maknanya dari sudut bahasa. Ini selaras dengan pandangan Ibn Hajar (m. 852 H) yang mengungkapkan seperti berikut:

*“Adapun yang ditemui pada perkataan al-Syafi’i dan sarjana sebelumnya, malah pada perkataan Ahmad bin Hanbal, jelas padaku bahawa mereka tidak memaksudkan dengan makna istilah secara khusus. Bahkan, secara literal perkataan mereka menunjukkan sebaliknya”*⁵

Antara tokoh lain yang didapati menggunakan istilah *hasan* adalah al-Daraqutni (m. 385 H), tokoh terkenal dalam bidang hadith pada kurun ke-empat Hijrah. Ini berdasarkan kenyataan daripada Ibn al-Salah yang menyatakan bahawa al-Daraqutni juga merupakan antara sarjana yang banyak menggunakan istilah *hasan* dalam karyanya yang berjudul *al-Sunan*.⁶ Seiring dengan pernyataan ini, al-Durays turut menjelaskan bahawa al-Daraqutni merupakan antara sarjana yang menggunakan istilah *hasan* dalam memberikan penilaian terhadap status hadith. Berdasarkan pencariannya, istilah ini dikenal pasti telah digunakan sebanyak 27 kali dalam *al-Sunan* dan sebanyak satu kali dalam *Su’alat al-Hakim*, *Su’alat al-Barqani* dan *Su’alat Ibn Bukayr*. Justeru, jumlah keseluruhan penggunaan istilah ini adalah sebanyak tiga puluh kali.⁷

Selain itu, al-Daraqutni juga didapati turut mempraktikkan istilah *hasan* dalam beberapa karyanya yang lain. Salah satu daripadanya adalah kitab *al-’Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyah*. Memandangkan karya ini memiliki kedudukan yang penting dalam disiplin *’ilal al-hadith*, maka istilah-istilah yang terdapat di dalamnya khususnya istilah *hasan* perlu difahami maknanya dengan lebih mendalam. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji pengertian istilah *hasan* yang digunakan oleh al-Daraqutni dalam karya tersebut.

PENGETERIAN ISTILAH HASAN

Dari sudut bahasa, Ibn Faris (m. 395 H) menjelaskan bahawa huruf *al-ha’*, *al-sin* dan *al-nun* merupakan asal bagi kalimah ini. Justeru menurut beliau, antonim kepada kalimah *al-husn* adalah *al-qubh* iaitu buruk.⁸ Seiring dengan penjelasan ini, Ibn Manzur (m. 711 H) turut menjelaskan bahawa antonim kepada perkataan *al-husn* adalah *al-qubh wa naqiduh* iaitu buruk dan berlawanan dengannya (*al-husn*).⁹ Ibn al-Salah (m. 643 H) dalam karyanya *’Ulum al-Hadith* turut menyentuh makna perkataan *al-hasan* dari sudut bahasa. Menurut beliau, ia bermaksud sesuatu yang disukai dan tidak diingkari oleh hati.¹⁰

Berikutan itu, al-Durays yang merupakan seorang pengkaji kontemporari didapati cuba mengemukakan kesimpulan terhadap pendirian para sarjana terhadap maksud *hasan* dari sudut bahasa. Kata beliau:

⁴ Ibn al-Salah (2017), *’Ulum al-Hadith*, h. 39.

⁵ Ibn Hajar (2013), *Al-Nukat ’ala Kitab Ibn al-Salah wa ’ala Nukat al-’Iraqi*, h. 150-151.

⁶ Ibn al-Salah (2017), *’Ulum al-Hadith*, h. 36.

⁷ Al-Durays (2005), *Al-Hadith al-Hasan li Dhatih wa li Ghayrih*, j. 2, h. 865.

⁸ Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyya (t.t.), *Mu’jam Maqayis al-Lughah* tahqiq ‘Abd al-Salam Muhammad Harun, j. 2, T.T.P.: Dar al-Fikr, h. 57.

⁹ Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram bin ‘Ali bin Ahmad (t.t.), *Lisan al-’Arab* tahqiq ‘Abd Allah ‘Ali al-Kabir, et al., Kaherah: Dar al-Ma’arif, j. 10, h. 877.

¹⁰ Ibn al-Salah (2017), *’Ulum al-Hadith*, h. 39.

“Rumusan dari apa-apa yang telah dikemukakan: *al-hasan* adalah antonim kepada *al-qabih wa naqiduh* (buruk dan berlawanan dengannya). *Al-Hasan* adalah sifat yang sempurna yang melazimkan pujian. Meminta sesuatu yang *hasan* adalah kembali kepada kecenderungan diri dan apa-apa yang disukainya”.¹¹ Bagaimanapun jelas al-Durays, menentukan baik (*hasan*) terhadap sesuatu kadangkala bukanlah sesuatu yang disepakati oleh semua manusia. Hal ini kerana setiap diri memiliki kecenderungannya tersendiri lantaran berbezanya tabiat dan sifat seseorang manusia itu.¹²

Dari sudut istilah pula, sarjana hadith memberikan definisi yang pelbagai. Antaranya adalah seperti berikut:

1) Abu ‘Isa al-Tirmidhi (m. 279 H)

Menurut al-Tirmidhi, *hasan* bermaksud hadith yang tidak terdapat pada sanadnya perawi yang dituduh sebagai pendusta, tidak berlaku *syadh* dan ia turut diriwayatkan melalui jalur lain seperti itu juga.¹³

Berdasarkan takrif ini, terdapat tiga perkara utama yang diutarakan oleh al-Tirmidhi bagi menggambarkan maksud *hasan* di sisinya,¹⁴ iaitu tiada perawi yang dituduh sebagai pendusta pada sanadnya, tidak berlaku *syadh* dan terdapat jalur lain seperti ini.¹⁵ Menurut Ibn Rajab (m. 795 H), takrifan ini menggambarkan bahawa setiap hadith yang terdapat pada sanadnya perawi yang dituduh sebagai pendusta, maka ia bukanlah hadith *hasan*.¹⁶ Sehubungan itu, jelas Ibn Rajab lagi, hadith yang diriwayatkan dari perawi *thiqah* yang *‘adil*, perawi yang banyak melakukan kesilapan pada hadithnya selagi mana bukan dalam kategori dituduh berdusta, maka ia adalah *hasan* namun dengan syarat tidak berlaku *syadh* dan makna hadith itu turut diriwayatkan melalui jalur yang pelbagai.¹⁷ Justeru, difahami bahawa terdapatnya jalur lain yang dimaksudkan itu adalah merujuk kepada sanad lain sama ada dalam bentuk *riwayah bi al-lafz* ataupun *riwayah bi al-ma‘na*.¹⁸

2) Abu Sulayman al-Khattabi (m. 388 H)

Menurut al-Khattabi, *hasan* adalah hadith yang diketahui tempat keluarnya, perawi-perawinya masyhur dan kebanyakan hadith bermuara kepadanya.¹⁹

Al-Sakhawi (m. 902 H) menjelaskan maksud “diketahui tempat keluarnya” adalah seumpama sebuah hadith yang diriwayatkan daripada seorang perawi yang masyhur dengan periwayatan hadith di sesuatu negeri seperti riwayat dari Qatadah dan selainnya di Basrah. Justeru menurut al-Sakhawi, sekiranya hadith daripada perawi-perawi Basrah datang melalui jalan Qatadah, maka tempat keluar (*makhraj*) bagi hadith tersebut adalah diketahui. Ujar al-Sakhawi lagi, ia juga merupakan satu kiasan yang menunjukkan bahawa sanad bagi hadith tersebut adalah bersambung.²⁰

¹¹ Al-Durays (20005), *Al-Hadith al-Hasan li Dhatih wa li Ghayrih*, j. 1, h. 40.

¹² *Ibid.*

¹³ Al-Tirmidhi, Muhammad bin ‘Isa bin Sawrah (t.t.), *Sunan al-Tirmidhi* tahqiq Muhammad Nasir al-Din al-Albani, c. 1, Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif, h. 896

¹⁴ Nur al-Din ‘Itr (2014), *Al-Imam al-Tirmidhi wa al-Muwazanah Jami‘ih wa Bayn al-Sahihayn*, c. 1, Kaherah: Dar al-Basa‘ir, h. 209-212.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Ibn Rajab, Zayn al-Din Abi al-Farj ‘Abd al-Rahman bin Ahmad al-Hanbali (2014), *Syarh ‘Ilal al-Tirmidhi* tahqiq Nur al-Din ‘Itr, c. 2, j. 1, Kaherah: Dar al-Salam, h. 384.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Hosnol Khatimah, (2016), *Konsistensi Status Hasan Imam Tirmidhi Dalam Kitab Sunan Al-Tirmidhi*, Latihan Ilmiah, UIN Sunan Ampel Surabaya, Kutipan daripada <http://digilib.uinsby.ac.id/13356/>, h. x.

¹⁹ Al-Khattabi, Abu Sulayman Hamad bin Muhammad bin Ibrahim (1932), *Ma‘alim al-Sunan* tahqiq Muhammad Raghhib al-Tabbakh, c. 1, Halab: Matba‘ah al-‘Ilmiyyah, j. 1, h. 6.

²⁰ Al-Sakhawi, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin ‘Abd al-Rahman (2003), *Fath al-Mughith bi Syarh Alfiah al-Hadith li al‘Iraqi* tahqiq ‘Ali Husayn ‘Ali, T.T.P.: Dar al-Imam al-Tabari, j. 1, h. 72.

Manakala ungkapan “perawi-perawinya masyhur” pula menurut al-San‘ani (m. 1182 H) adalah merujuk kepada perawi-perawinya dalam kalangan yang terkenal (*masyhurin*) dan bukan mereka yang tidak dikenali (*masturin*).²¹

3. Abu al-Farj Ibn al-Jawzi (m. 597 H)

Menurut Ibn al-Jawzi, *hasan* adalah hadith yang terdapat padanya kelemahan yang ringan dan boleh membina hukum serta beramal dengannya.²² Ibn Dihyah dalam *al-‘Ilm al-Masyhur* turut menukulkan definisi ini dengan sedikit penambahan: “sesungguhnya *hasan* kurang daripada sahih, padanya terdapat kelemahan yang ringan daripada perawi yang tidak sampai ke peringkat fasik”.²³

4. Ibn Hajar (m. 852 H)

Menurut Ibn Hajar, syarat bagi sesuatu hadith dikira sebagai sahih adalah mencakupi lima syarat iaitu sanad bersambung, perawi ‘*adil* dan *dabit*, tidak berlaku *syadh* dan ‘*illah*. Beliau selanjutnya menerangkan bahawa sekiranya sifat *dabt* pada perawi adalah lemah sedikit maka ia digelar sebagai *hasan li dhatih*.²⁴ Merujuk kepada pandangan ini, jelas bahawa syarat hadith *hasan* di sisi Ibn Hajar adalah menyamai syarat hadith sahih. Perbezaannya hanyalah pada sifat *dabt* perawi hadith, iaitu lemah sedikit berbanding dengan perawi hadith sahih.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati pelbagai takrifan telah dikemukakan oleh para sarjana hadith berkenaan istilah *hasan*. Takrifan tersebut perlu difahami berdasarkan perspektif mereka yang tersendiri. Selain itu, dapatlah dikatakan bahawa istilah ini turut dipakai oleh para sarjana hadith dalam konteks bahasa. Dalam erti kata lain, mereka menggunakan istilah ini dengan maksud baik, bagus dan seumpama dengannya sama ada dari sudut makna bagi sesuatu matan hadith atau sanad hadith atau kedua-duanya sekali. Ini bersesuaian dengan makna istilah ini dari sudut bahasa.

Pada masa yang sama, istilah *hasan* turut ditemui bagi menggambarkan riwayat yang ganjil atau bersendirian (*ghara’ib*). Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Durays bahawa menganggap *hasan* sesuatu hadith adalah tidak sama pada seseorang, lantaran tabiat manusia yang berbeza. Justeru, istilah *hasan* bagi sesetengah sarjana merujuk kepada riwayat *ghara’ib* memandangkan keunikan riwayat tersebut yang tidak dimiliki oleh mana-mana perawi yang lain. Dalam konteks ini, ditemui beberapa contoh praktikal daripada sarjana hadith *mutaqaddimin* yang menggunakan istilah *hasan* bagi menggambarkan riwayat *ghara’ib*. Antaranya seperti al-Ramahurmuzi (m. 360 H) dan al-Khatib al-Baghdadi (m. 463 H) yang menukulkan perkataan Ibrahim al-Nakha’i (m. 96 H) yang menyatakan: “Mereka tidak menyukai apabila berkumpul kemudian seorang lelaki mengeluarkan hadithnya yang *ahsan* atau apa yang *ahsan* di sisinya”. Menurut al-Khatib, istilah *ahsan* yang dimaksudkan oleh Ibrahim al-Nakha’i ini adalah merujuk kepada *gharib*.²⁵

²¹ Al-San‘ani, Muhammad bin Isma‘il (2011), *Tawdih al-Afkar Syarh Tanqih al-Anzar* tahqiq Muhammad Muhib al-Din Abu Zayd, c. 1, Riyadh: Maktabah al-Rusyd, j. 1, h. 435.

²² Ibn al-Jawzi, Jamal al-Din Abu al-Farj ‘Abd al-Rahman bin ‘Ali bin Muhammad (1996), *Kitab al-Mawdu‘at* tahqiq ‘Abd al-Rahman Muhammad ‘Uthman, c. 1, Madinah: Al-Maktabah al-Salafiyyah, j. 1, 35.

²³ Al-Zarkasyi, Badr al-Din Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Jamal al-Din ‘Abd Allah bin Bahadir (1998), *Al-Nukat ‘ala Muqaddimah Ibn al-Salah* tahqiq Zayn al-‘Abidin bin Muhammad, c. 1, Riyadh: Maktabah Adwa’ al-Salaf, j. 1, h. 310.

²⁴ Tariq ‘Iwad Allah (2009), *Syarh Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*, c. 1, Riyadh: Dar al-Mughni, h. 110.

²⁵ Al-Ramahurmuzi, (t.t.), *Al-Muhaddith al-Fasil Bayna al-Rawi wa al-Wa‘i, Bab Man Kariha an Yarwiya Ahsana ma ‘Indahu*, T.T.P: T.P.T., no. Hadith: 765, h. 561; Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali bin Thabit (1996), *Al-Jami‘ li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami‘* tahqiq Salah bin Muhammad bin ‘Uwaydah, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, *Bab Istihbab Riwayah al-Masyahir wa al-Saduf ‘an al-Ghara’ib wa al-Manakir*, no. Hadith: 1306, h. 296.

Selain itu, al-Khatib juga turut menukulkan pendirian Syu‘bah bin Hajjaj (m. 160 H) yang enggan mengambil hadith daripada seorang perawi yang bernama ‘Abd al-Malik bin Abi Sulayman (m. 145 H) yang disifatkan sebagai *hasan al-hadith*. Rentetan itu, ketika pendirian ini kemudiannya dipersoalkan oleh seseorang, Syu‘bah menjawab: “*Kerana sifatnya hasan aku meninggalkannya (min husniha farartu)*”.²⁶ Menurut Tariq, istilah *hasan* yang disifatkan kepada ‘Abd al-Malik bin Abi Sulayman adalah bermaksud *gharib*. Justeru ia menjadi sebab Syu‘bah meninggalkan periwayatan daripadanya.²⁷

LATAR BELAKANG AL-DARAQUTNI DAN KITAB AL-‘ILAL AL-WARIDAH FI AL-AHADITH AL-NABAWIYYAH

Nama lengkap al-Daraqutni adalah ‘Ali bin ‘Umar bin Ahmad bin Mahdi bi Mas‘ud bin al-Nu‘man bin Dinar bin ‘Abd Allah Abu al-Hasan al-Daraqutni al-Baghdadi.²⁸ Beliau dilahirkan pada tanggal Zulkaedah di sebuah kawasan yang bernama Dar al-Qutn di kota Baghdad.²⁹ Menurut Syihab al-Din (m. 626 H), Dar al-Qutn terletak di kota Baghdad dari sebelah barat Sungai Tabiq antara al-Karkh dan Sungai ‘Isa bin ‘Ali.³⁰ Sehubungan itu, beliau lebih dikenali dengan panggilan al-Daraqutni berikutan dinisbahkan kepada tempat kelahirannya.³¹

Mengenai tahun kelahiran pula, para sejarawan bersepakat bahawa al-Daraqutni telah dilahirkan pada awal kurun ke-empat Hijrah. Namun, tahun kelahiran beliau secara tepat diperselisihkan oleh mereka. Sebahagian berpendapat al-Daraqutni dilahirkan pada tahun 305 Hijrah, manakala sebahagian yang lain pula menyatakan pada tahun 306 Hijrah.³² Beberapa pengkaji kontemporari seperti Muwafaq, Kilani dan Damfu memilih tahun 306 Hijrah sebagai tahun kelahiran al-Daraqutni secara tepat. Ini kerana mereka mengambil kira pengakuan al-Daraqutni sendiri yang menyatakan: “*...telah meninggal Abu al-‘Abbas Ahmad bin Muhammad bin Surayj al-Qadi al-Faqih pada tahun 306 Hijrah dan aku dilahirkan pada tahun tersebut.*”³³

Dari sudut latar belakang keluarga, al-Daraqutni dilahirkan dalam keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan. Hal ini tidak menghairankan kerana ayahandanya sendiri iaitu ‘Umar bin Ahmad bin Mahdi merupakan seorang ilmuan khususnya dalam bidang *qira‘at* di kota Baghdad.³⁴ Selain berguru dengan ayahnya sendiri, al-Daraqutni turut dicatatkan telah bertemu dan mengambil ilmu dengan ramai ilmuan lain di kota Baghdad. Mereka adalah seperti Abu al-Qasim ‘Abd Allah bin Muhammad al-Baghawi (m. 317 H), Yahya bin Muhammad bin Sa‘id (m. 318 H) dan Abu Bakr bin Abi Dawud (m. 316 H).³⁵

²⁶ Al-Khatib al-Baghdadi (1996), *Al-Jami‘ li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami‘*, no. Hadith: 1306, h. 296.

²⁷ Tariq ‘Iwad Allah (2002), *Syarh Lughah al-Muhaddith Manzumah fi ‘Ilm Mustalah al-Hadith*, h. 147.

²⁸ Al-Subki, Taj al-Din Abu Nasr ‘Abd al-Wahhab bin ‘Ali bin ‘Abd al-Kafi (t.t.), *Tabaqat al-Syafi‘iyyah al-Kubra* tahqiq Mahmud Muhammad al-Tanahi & ‘Abd al-Fattah Mahmud al-Hulu, Halab: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, j. 3, no. Perawi: 228, h. 462.

²⁹ Al-Zirikli, (2002), *al-A‘lam Qamus Tarajim li Asyhar al-Rijal wa al-Nisa‘ min al-‘Arab wa al-Mu‘tarabin wa Musytariqin*, h. 314.

³⁰ Syihab al-Din ‘Abd Allah Yaqut bin ‘Abd Allah (1977), *Mu‘jam al-Buldan*, Beirut: Dar al-Sadir, j. 2, h. 422.

³¹ Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma‘il bin ‘Umar (1998), *Al-Bidayah wa al-Nihayah* tahqiq ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki, c. 1, Jizah: Dar al-Hajr, j. 15, h. 461.

³² Al-Khatib al-Baghdadi (2001), *Tarikh Madinah al-Salam wa Akhbar Muhaddithiha wa Dhikr Quttaniha al-‘Ulama‘ min Ghayr Ahliha wa Waridiha*, j. 13, h. 493-494.

³³ Al-Sulami (1988), *Su‘alat Abu ‘Abd al-Rahman al-Sulami li al-Daraqutni* tahqiq Sulayman Atasy, Riyadh: Dar al-‘Ulum, no. Soalan: 42, h. 117; Lihat juga Al-Daraqutni (1986), *Al-Mu‘talif wa al-Mukhtalif*, j. 1, h. 10; ‘Abd Allah bin Muhammad Hasan Damfu (1999), *Marwiyat al-Imam al-Zuhri al-Mu‘allah fi Kitab al-‘Ilal li al-Daraqutni*, c. 1, Riyadh: Maktabah al-Rusyd, j. 1, h. 66; Kilani Muhammad Khalifah (2010), *Manhaj al-Imam al-Daraqutni fi Kitabih al-Sunan wa Atharihi fi Ikhtilaf al-Fuqaha‘*, c. 1, Kaherah: Dar al-Muhaddithin, h. 27.

³⁴ Ibn al-Jazri, Syams al-Din Abu al-Khayr Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin al-Jazri (2006), *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra‘* tahqiq G. Bergstraesser, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 1, no. Perawi, 2389, h. 520.

³⁵ Anonymus, (1984), *Su‘alat Hamzah bin Yusuf al-Sahmi li al-Daraqutni wa Ghayrihi min al-Masyayeikh fi al-Jarh wa al-Ta‘dil* tahqiq Muwafaq bin ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Qadir, c. 1, Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif, h. 10.

Seperti juga sarjana-sarjana yang lain, al-Daraqutni turut melakukan *rihlah 'ilmiyyah* untuk menimba ilmu pengetahuan. Pengembaraan beliau telah direkodkan ke beberapa buah negeri, iaitu seperti Kufah, Wasit, Tabariyyah, Mekah, Khuzestan dan Mesir. Di negeri-negeri tersebut, beliau telah bertemu dan mengambil ilmu daripada ramai ilmuan, antaranya seperti Muhammad bin Sulayman al-Maliki al-Basri, Ya'qub bin Yusuf al-Khallal, Ahmad bin Muhammad al-Hizzani (m. 332 H), 'Ali bin Ishaq (m. 334 H), Ahmad bin Muhammad al-'Attar, 'Ali bin 'Abd Allah al-Dibaji, Abu 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Qasim bin Zakariya al-Kufi al-Sudani (m. 326 H), 'Abd Allah bin Yahya al-Talhi, Ahmad bin Amru bin 'Uthman al-Mu'addil, Ahmad bin Ahmad bin Sa'dan al-Saydalani, Muhammad bin Mahmud bin Muhammad, al-Husayn bin Ibrahim al-Khallal, 'Ali bin 'Abd Allah bin Mubasysyir al-Wasiti (m. 324 H), Muhammad bin Khazar al-Tabarani, al-Hasan bin al-Khadr al-Mu'addil, Abu al-Fadl Ja'far bin al-Fadl bin Hinzabah (m. 391 H), Muhammad bin 'Abd Allah al-Naysaburi (m. 338 H), 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Nasih (m. 365 H), 'Abd al-Rahman bin Isma'il al-'Arudi, Abu Tahir al-Qadi Muhammad bin Ahmad, 'Ali bin Ahmad bin al-Azraq, 'Ali bin 'Abd Allah bin al-Fadl dan ramai lagi.³⁶ Ini menunjukkan beliau mempunyai ramai guru.

Pengembaraan dan pertemuan dengan ramai guru telah menjadikan al-Daraqutni sebagai seorang tokoh ilmuan yang hebat pada zamannya. Beliau telah menguasai pelbagai cabang disiplin ilmu pengetahuan. Ini termasuklah ilmu hadith, fekah, adab dan sastera Arab serta *qira'at*. Namun, bidang paling menonjol yang sentiasa menjadi sebutan ramai orang adalah penguasaan beliau dalam disiplin ilmu hadith. Malah, beliau telah menguasai cabang paling sukar dalam disiplin ini, iaitu ilmu *'ilal al-hadith*. Al-Khatib memuji penguasaan al-Daraqutni dalam bidang ini. Ini dapat dilihat daripada kata-katanya: "...berakhir kepadanya ilmu athar dan pengetahuan tentang 'ilal al-hadith, nama-nama perawi dan perihal mereka...".³⁷ Seiring dengan pujian ini juga, al-Dhahabi (m. 748 H) didapati berkata: "...berakhir kepadanya al-hifz dan pengetahuan tentang 'ilal al-hadith dan perawi-perawinya".³⁸ Selain itu juga, Ibn Kathir (m. 774 H) menyifatkan al-Daraqutni sebagai Imam pada zamannya tentang nama-nama perawi, seni dalam menta'likan hadith, disiplin ilmu *al-jarh wa al-ta'dil*...".³⁹

Pada tahun 385 Hijrah iaitu ketika umur al-Daraqutni mencecah hampir lapan puluh tahun, beliau telah dijemput ke pangkuan Ilahi buat selama-lamanya. Kematian beliau pada tahun terbabit seolah-olah dapat dirasainya. Abu al-Husayn bin al-Fadl menceritakan bahawa al-Daraqutni telah berkata kepadanya pada hari Jumaat bulan Muharam tahun 385 Hijrah: "*Wahai Abu al-Husayn, hari ini aku telah memasuki tahun di mana aku akan dipanggil oleh Allah SWT iaitu ketika usiaku menjengah lapan puluh tahun.*"⁴⁰ Ternyata perasaan dan firasat al-Daraqutni ini adalah benar. Abu al-Husayn bin al-Fadl menyatakan hampir sebelas bulan selepas daripada itu iaitu pada bulan Zulkaedah, al-Daraqutni meninggal dunia. Menurut al-'Atiqi, al-Daraqutni telah meninggal dunia pada hari Rabu kedua, bulan Zulkaedah pada tahun 385 Hijrah.⁴¹

Jenazah al-Daraqutni telah diimamkan oleh al-Faqih Abu Hamid al-Isfirayayn di salah satu masjid di Dar al-Qutn dan dikebumikan di perkuburan Bab al-Dayr berhampiran dengan kubur seorang ilmuan Baghdad iaitu Ma'ruf al-Karkhi.⁴² Al-Khatib al-Baghdadi meriwayatkan daripada Abu Nasr bin 'Ali bahawa dia pernah bermimpi pada salah satu dari malam-malam Ramadhan. Dalam mimpi tersebut

³⁶ Kilani Muhammad Khalifah (2010), *Manhaj al-Imam al-Daraqutni fi Kitabih al-Sunan wa Atharihi fi Ikhtilaf al-Fuqaha*, h. 32;

³⁷ Al-Khatib al-Baghdadi (2001), *Tarikh Madinah al-Salam wa Akhbar Muhaddithiha wa Dhikr Quttaniha al-'Ulama' min Ghayr Ahliha wa Waridiha*, j. 13, h. 487-488.

³⁸ Al-Dhahabi (1984), *Siyar 'A'lam al-Nubala'*, j. 16, no. Perawi: 332, h. 450.

³⁹ Ibn Kathir (1998), *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, j. 15, h. 459.

⁴⁰ Al-Khatib al-Baghdadi (2001), *Tarikh Madinah al-Salam wa Akhbar Muhaddithiha wa Dhikr Quttaniha al-'Ulama' min Ghayr Ahliha wa Waridiha*, j. 13, h. 493-494.

⁴¹ *Ibid.*, j. 13, h. 494.

⁴² *Ibid.*; Al-Daraqutni (1986), *Al-Mu'talif wa al-Mukhtalif*, j. 1, h. 32; Ibn Khallikan (t.t.), *Wafayat al-A'yan wa Anba'u Abna' al-Zaman*, j. 3, h. 298.

beliau bertanya berkenaan keadaan al-Daraqutni di akhirat. Maka dikatakan kepadanya bahawa al-Daraqutni dipanggil dalam syurga dengan gelaran Imam.⁴³

Al-Daraqutni merupakan antara tokoh yang sangat prolific pada zamannya. Jumlah karya yang ditinggalkan olehnya mencecah enam puluh satu buah kitab dan ia merentasi pelbagai bidang dan disiplin ilmu.⁴⁴ Sehubungan itu, tidak menghairankan apabila al-Subki memuji dan menyifatkannya sebagai *sahib al-musannafat*.⁴⁵ Salah satu daripada karyanya yang begitu bernilai dan memiliki kedudukan yang tinggi dalam dunia akademik adalah kitab *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyah*.

Bersesuaian dengan judul yang diberikan, karya ini adalah berkaitan disiplin *'ilal al-hadith*. Secara ringkasnya, karya ini adalah berbentuk soal jawab yang melibatkan pertanyaan yang diajukan oleh anak muridnya iaitu Abu Bakr al-Barqani (m. 425 H) kepada al-Daraqutni mengenai hadith yang berjumlah lebih daripada empat ribu buah hadith. Kecacatan yang terdapat dalam hadith-hadith tersebut kemudiannya dijelaskan oleh al-Daraqutni, di samping menjelaskan hal-hal lain yang berkaitan dengannya seperti kedudukan perawi dan kewujudan sanad lain serta kemungkinan berlaku percanggahan dan sebagainya. Menurut al-Barqani, kesemua jawapan dan penjelasan yang diberikan oleh al-Daraqutni ini adalah melalui hafalannya.⁴⁶ Al-Dhahabi dalam *Siyar A'lam al-Nubala'* menzahirkan rasa kagum terhadap kemampuan al-Daraqutni ini. Dalam hal ini, al-Dhahabi menyatakan sekiranya benar kitab *al-'Ilal* ini disampaikan secara *imla'* oleh al-Daraqutni melalui hafalannya sebagaimana diceritakan oleh al-Barqani, maka ia sesuatu yang menakjubkan sekaligus membuktikan bahawa al-Daraqutni adalah penghuni dunia yang paling tajam memorinya.⁴⁷

Kitab ini menonjolkan kepakaran al-Daraqutni dalam bidang *'ilal al-hadith*. Ramai dalam kalangan sarjana selepas daripadanya memberikan pujian terhadap kandungan karya ini. Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abi Nasr al-Humaydi (m. 488 H) menyatakan bahawa sebaik-baik kitab yang membahaskan tentang disiplin *'ilal al-hadith* adalah kitab al-Daraqutni.⁴⁸ Ibn al-Salah (m. 643 H) pula menegaskan bahawa antara kitab *'ilal al-hadith* yang terbaik adalah kitab *al-'Ilal* oleh Ahmad bin Hanbal dan kitab *al-'Ilal* oleh al-Daraqutni.⁴⁹ Demikian juga Ibn Kathir (m. 778 H) yang menyatakan bahawa kitab-kitab *'Ilal* seperti *al-'Ilal 'Ali bin al-Madini*, *al-'Ilal Ibn Abi Hatim*, *al-'Ilal al-Khallal* dan *Musnad al-Bazzar* semuanya telah dikumpulkan oleh *al-hafiz al-kabir* Abu al-Hasan al-Daraqutni dalam kitabnya *al-'Ilal*. Jelas Ibn Kathir lagi, kitab al-Daraqutni ini merupakan kitab yang paling tinggi pernah dilihat oleh beliau dan tiada sesiapa yang boleh menandinginya.⁵⁰ Al-'Iraqi (m. 806 H) dalam *Alfiyah* turut memuji kitab ini dengan menegaskan bahawa sebaik-sebaik kitab *'Ilal* adalah yang ditulis oleh Ahmad dan al-Daraqutni.⁵¹

ISTILAH HASAN DALAM KITAB AL-'ILAL L-WARIDAH FI AL-AHADITH AL-NABAWIYYAH

⁴³ Al-Khatib al-Baghdadi (2001), *Tarikh Madinah al-Salam wa Akhbar Muhaddithiha wa Dhikr Quttaniha al-'Ulama' min Ghayr Ahliha wa Waridiha*, j. 13, h. 494.

⁴⁴ 'Abd Allah bin Dayf Allah al-Ruhayli (2000), *Al-Imam al-Daraqutni wa Atharuhu al-'Ilmiyyah*, h. 179-231.

⁴⁵ Al-Subki (t.t.), *Tabaqat al-Syafi'iyah al-Kubra*, no. Perawi: 228, j. 3, h. 462.

⁴⁶ Al-Dhahabi (1984), *Siyar 'A'lam al-Nubala'*, j. 16, no. Perawi: 332, h. 455; Al-Khatib al-Baghdadi (2001), *Tarikh Madinah al-Salam wa Akhbar Muhaddithiha wa Dhikr Quttaniha al-'Ulama' min Ghayr Ahliha wa Waridiha*, j. 13, h. 491.

⁴⁷ Al-Dhahabi (1984), *Siyar 'A'lam al-Nubala'*, j. 16, no. Perawi: 332, h. 455.

⁴⁸ *Ibid.*, j. 19, h. 124; Al-Sakhawi, Syams al-Din Muhammad bin 'Abd al-Rahman (t.t.), *Al-I'lan bi al-Tawbikh li Man Dham al-Tarikh* tahqiq Franz Ronthal diterjemahkan oleh Salih Ahmad al-'Ili, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 334-335.

⁴⁹ Ibn al-Salah (2002), *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith*, h. 359.

⁵⁰ Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar (1996), *Al-Ba'ith al-Hathih Syarh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith* tahqiq 'Ali Hasan 'Abd al-Hamid, c. 1, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, j. 1, h. 198.

⁵¹ Al-Sakhawi (2003), *Fath al-Mughith bi Syarh Alfiyah al-Hadith li al-'Iraqi*, j. 3, h. 307.

Sebelum analisis penggunaan istilah *hasan* menurut al-Daraqutni dalam karyanya *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*, bilangan dan tempat istilah ini dipraktikkan oleh al-Daraqutni perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Sehubungan itu, perisian *al-Maktabah al-Syamilah* telah digunakan untuk mengesan kekerapan penggunaan istilah ini di sisi al-Daraqutni. Hasilnya, ditemui tiga tempat penggunaan istilah ini oleh al-Daraqutni dalam karyanya *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*.⁵²

Dalam menampilkan penggunaan istilah ini oleh al-Daraqutni, selain menukulkan potongan komentar beliau terhadap istilah *hasan*, pengkaji turut membawakan keseluruhan komentar bagi soalan tertentu yang diajukan kepadanya. Ini bertujuan untuk mendapatkan kefahaman secara lebih menyeluruh mengenai latar belakang penggunaan istilah tersebut di sisi al-Daraqutni.

Tiga tempat penggunaan istilah *hasan* oleh al-Daraqutni dalam karya *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah* adalah seperti berikut:

1. Soalan ke-7:

سُئِلَ عَنْ حَدِيثِ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ ، عَنْ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّهُ سَأَلَهُ مَا نَجَاءُ هَذَا الْأَمْرِ؟⁵³

Maksudnya: Telah ditanya kepada al-Daraqutni tentang hadith ‘Uthman bin ‘Affan daripada Abi Bakr al-Siddiq daripada Nabi SAW: “Sesungguhnya dia bertanyakan kepadanya tentang penyelamat daripada perkara tersebut?”.

Menurut al-Daraqutni, hadith ini adalah hadith yang diriwayatkan oleh al-Zuhri. Berlaku percanggahan pada sanad daripada perawi yang mengambil daripadanya. Ibn Akhi al-Zuhri telah meriwayatkan hadith ini daripada riwayat al-Waqidi daripada al-Zuhri. ‘Umar bin Sa‘id bin Sarjah al-Sarji, ‘Isa bin al-Muttalib dan Abu Harun al-Madani (kesemua mereka adalah perawi-perawi *da‘if*) bersepakat meriwayatkan hadith ini daripada al-Zuhri daripada Sa‘id bin al-Musayyib daripada ‘Abd Allah bin ‘Amru bin al-‘As dari ‘Uthman daripada Abi Bakr al-Siddiq RA.⁵⁴

Jelas al-Daraqutni lagi, hadith ini turut diriwayatkan oleh ‘Abd Allah bin Bisyr al-Raqi (dia bukan seorang yang *hafiz*) daripada al-Zuhri daripada Sa‘id bin al-Musayyib daripada ‘Uthman daripada Abi Bakr. Gugur pada sanad ini ‘Abd Allah bin ‘Amru. Demikian juga hadith ini diriwayatkan daripada Malik bin Anas daripada Ibn Abi Dhi‘b daripada al-Zuhri daripada Sa‘id bin al-Musayyib daripada ‘Uthman dari Abi Bakr. Sanad ini telah diriwayatkan oleh Muhammad bin ‘Abd Allah al-Jahid (seorang perawi *da‘if*) daripada Hammad bin Khalid daripada Malik. Ia juga diriwayatkan daripada Abi Qutn dari Ibn Abi Dhi‘b. Menurut al-Daraqutni, sanad daripada mereka berdua (Malik dan Abi Qutn) tidak sah dan semuanya adalah kesilapan.⁵⁵

Tambah al-Daraqutni lagi, yang benar adalah daripada al-Zuhri apabila dia berkata daripada lelaki daripada golongan Ansar (tanpa menyebut namanya) bahawa ‘Uthman bin ‘Affan RA telah masuk bertemu dengan Abi Bakr RA. Demikian riwayat daripada murid-murid al-Zuhri dan sekumpulan *huffaz* seperti ‘Uqayl bin Khalid, Yunus bin Yazid dan selain mereka.⁵⁶

Di samping itu, al-Daraqutni menjelaskan lagi bahawa hadith ini telah diriwayatkan daripada ‘Amru bin Abi ‘Amru *mawla* al-Muttalib daripada Abi al-Huwayrith (‘Abd al-Rahman bin Mu‘awiyah)

⁵² Mohd Aizul bin Yaakob (2020), *Manhaj Penentuan ‘Illah Terhadap Periwatan Hadith secara al-Tafarrud oleh al-Daraqutni dalam al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*, Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, h. 273.

⁵³ Al-Daraqutni, Abu al-Hasan ‘Ali bin ‘Umar bin Ahmad bin Mahdi (2011), *Al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah* tahqiq Mahfuz al-Rahman Zayn Allah al-Silafi & Khalid bin Ibrahim al-Misri, c. 1, Riyadh: Dar al-Taybah, j. 1, h. 200.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*

daripada Muhammad bin Jubayr bin Mut'im daripada 'Uthman dari Abi Bakr. Menurut al-Daraqutni, Muhammad bin Jubayr tidak mendengar daripada 'Uthman, justeru hadith ini adalah *mursal*.

Hadith ini diriwayatkan juga oleh Zayd bin Abi Unaysah dengan sanad yang bersambung daripada 'Uthman. Dia (Zayd bin Abi Unaysah) telah meriwayatkannya daripada 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Uqayl daripada Abban bin 'Uthman daripada 'Uthman daripada Abi Bakr RA. Al-Daraqutni memberikan ulasan bahawa Zayd bin Abi Unaysah telah meriwayatkannya secara *al-tafarrud* daripada Ibn 'Uqayl. Beliau seterusnya menerangkan bahawa dia tidak mengetahui seorang perawi pun yang meriwayatkan hadith ini daripada Zayd bin Abi Unaysah melainkan Abi 'Abd al-Rahim Khalid bin Abi Yazid. Tegas al-Daraqutni, sanad hadith ini bersambung *hasan*, melainkan Ibn 'Uqayl perawi yang tidak kuat (*laysa bi al-qawi*).

Hadith ini diriwayatkan juga oleh seorang *Syaykh* ahli al-Ahwaz yang dikenali sebagai Dahir bin Nuh (perawi yang tidak kuat dalam hadith). Beliau meriwayatkan hadith ini daripada Yusuf bin Ya'qub al-Majisyun daripada Muhammad bin al-Munkadir daripada Sa'id bin al-Musayyib daripada Jabir daripada 'Umar daripada 'Uthman daripada Abi Bakr RA. Dahir tidak diikuti pada sanad ini. Hadith ini juga diriwayatkan daripada 'Abd al-Rahman bin 'Amru bin Jabalah daripada 'Abd al-'Aziz bin Abi Salamah daripada Muhammad bin al-Munkadir daripada Jabir daripada 'Uthman daripada Abi Bakr.⁵⁷

Analisis:

Dalam penjelasan di atas, al-Daraqutni telah mendatangkan enam jalur sanad bagi hadith tersebut. Daripada enam jalur sanad berikut, tiga daripadanya bermuara kepada al-Zuhri. Bagaimanapun, hanya satu disahihkan oleh al-Daraqutni secara jelas iaitu sanad daripada murid-murid kanan al-Zuhri seperti seperti 'Uqayl bin Khalid, Yunus bin Yazid daripada al-Zuhri daripada seorang lelaki daripada golongan Ansar (tanpa menyebut namanya) bahawa 'Uthman bin 'Affan RA telah masuk bertemu dengan Abi Bakr RA. Jawapan ini sama sebagaimana diberikan oleh Abu Hatim.⁵⁸

Istilah *hasan* pula telah dipakai oleh al-Daraqutni ketika beliau menjelaskan mengenai jalur sanad daripada Khalid bin Abi Yazid daripada Zayd bin Abi Unaysah daripada Ibn 'Uqayl daripada Abban bin 'Uthman daripada 'Uthman daripada Abi Bakr RA. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kemungkinan besar al-Daraqutni memaksudkan istilah ini dengan makna *gharib*. Hal ini pada pandangan pengkaji sangat jelas apabila al-Daraqutni berkata bahawa sanad ini diriwayatkan secara bersendirian oleh Zayd bin Abi Unaysah dari Ibn 'Uqayl. Malah, al-Daraqutni menambah bahawa hanya Khalid bin Abi Yazid sahaja yang mengambil riwayat ini daripada Zayd bin Abi Unaysah.

Turut menyokong pandangan ini, apabila diteliti perawi yang bersendirian pada sanad tersebut, iaitu Zayd bin Abi Unaysah al-Jazari (m. 125 H). Beliau merupakan seorang perawi yang disifatkan sebagai *thiqah* oleh Ibn Ma'in (m. 231 H) dan Ibn Hibban (m. 375 H).⁵⁹ Bagaimanapun Zayd bin Abi Unaysah memiliki kumpulan hadith-hadith yang diriwayatkan secara bersendirian (*afrod*).⁶⁰ Sehubungan itu, Ahmad (m. 241 H) menjelaskan bahawa sebahagian hadith beliau adalah *munkar*.⁶¹ Malah al-'Uqayli (m. 322 H) menukilkan pandangan Ahmad tentang Zayd bin Abi Unaysah seperti berikut:

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Ibn Abi Hatim, 'Abd al-Rahman al-Razi (2014), *Ilal al-Hadith li Ibn Abi Hatim* tahqiq Abu Ya'qub al-Misri, c. 1, Kaherah: Al-Faruq al-Hadithah, j. 3, no. Soalan: 1951, h. 175.

⁵⁹ Ibn Abi Hatim, Abu Muhammad 'Abd al-Rahman bin Abi Hatim (1952), *Kitab al-Jarh wa al-Ta'dil*, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 3, no. Perawi: 2517, h. 556; Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad Abi Hatim al-Tamimi al-Busti (1973), *Kitab al-Thiqat*, c. 1, India: Wizarah al-Ma'arif li al-Hukumah al-'Aliyah al-Hindiyah, j. 6, h. 315.

⁶⁰ Ibn Hajar, Syihab al-Din Ahmad bin 'Ali (2012), *Taqrib al-Tahdhib* tahqiq Muhammad 'Awwamah, c. 9, Jeddah: Dar al-Minhaj, no Perawi: 2118, h. 257.

⁶¹ Al-Dhahabi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman (1992), *Al-Ruwat al-Thiqat al-Mutakallam Fihim bi ma la Yujibu Raddahum* tahqiq Muhammad Ibrahim al-Musili, c. 1, Bayrut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, h. 96.

“*Sesungguhnya hadithnya husn muqarib (لحسن مقارب), sebahagian daripadanya munkar, justeru dia adalah hasan al-hadith*”.⁶²

Berikutan itu, pada pandangan pengkaji komentar al-Daraqutni yang berbunyi: “*sanad hadith ini bersambung hasan...*” bermaksud sanad ini bersambung dan *gharib* lantaran Zayd bin Abi Unaysah sahaja yang meriwayatkannya daripada Ibn ‘Uqayl. Malah, istilah *hasan* di sini tidak boleh difahami sebagai hadith yang boleh diterima kerana pada sanad tersebut terdapat Ibn ‘Uqayl yang disifatkan sendiri oleh al-Daraqutni sebagai *laysa bi al-qawi*. Bahkan pada tempat lain dalam karya ini, al-Daraqutni menyifatkan beliau sebagai perawi yang *da‘if*.⁶³

2. Soalan ke-516

سُئِلَ عَنْ حَدِيثِ ابْنِ طَلْحَةَ ، وَقِيلَ : يَحْيَى بْنُ طَلْحَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَجُرِّجَ فِي حَدِيثِ طَلْحَةَ ، عَنْ عُمَرَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : فِي لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مَنْ قَالَهَا عِنْدَ مَوْتِهِ فَرَجَّحَ اللَّهُ كُرْبَتَهُ وَأَشْرَقَ لَوْنُهُ⁶⁴

Maksudnya: Telah ditanya kepada al-Daraqutni tentang hadith Ibn Talhah, dikatakan namanya adalah Yahya bin Talhah dari ayahnya daripada Nabi SAW. Dikeluarkan pada hadith Talhah daripada ‘Umar RA daripada Nabi SAW tentang (kalimah) *la ilaha illa Allah*, sesiapa yang menyebutnya ketika sedang nazak, Allah SWT akan melepaskannya daripada kesusahan dan menyinarkannya.

Menurut al-Daraqutni, hadith ini telah diriwayatkan oleh ‘Amir al-Sya‘bi dan telah berlaku percanggahan perawi-perawi yang mengambil daripadanya. Mutarrif bin Tarif telah meriwayatkannya daripada al-Sya‘bi. Berlaku percanggahan daripada Mutarrif apabila ‘Ali bin Mushir, Salih bin ‘Umar, Asad bin ‘Amru, ‘Amru bin Abi Qays, Dhawwad bin ‘Ulbah telah meriwayatkannya daripada Mutarrif daripada al-Sya‘bi daripada Yahya bin Talhah daripada ayahnya daripada Nabi SAW dan daripada ‘Umar RA.

Menurut al-Daraqutni lagi, hadith ini turut diriwayatkan oleh Jarir bin ‘Abd a-Hamid dan ‘Abthar bin al-Qasim daripada Mutarrif daripada al-Sya‘bi daripada Ibn Talhah bin ‘Ubayd Allah. ‘Abthar berkata bahawa daripada Yahya bin Talhah berkata: “*Umar telah melihat Talhah*”. Jelas al-Daraqutni lagi, hadith ini juga telah diriwayatkan oleh Khalid al-Wasiti dan Asbat bin Muhammad daripada Mutarrif daripada al-Sya‘bi bahawa ‘Umar RA telah melihat Talhah. Pada sanad ini tidak disebut nama Yahya.

Selain itu, al-Daraqutni menjelaskan bahawa hadith ini turut diriwayatkan oleh Isma‘il bin Abi Khalid daripada al-Sya‘bi. Berlaku percanggahan perawi yang mengambil hadith ini daripadanya. Mis‘ar telah meriwayatkan daripada Isma‘il daripada al-Sya‘bi daripada Yahya bin Talhah daripada ibunya Su‘da al-Muriyyah di mana dia berkata: “*Umar telah melalui Talhah*”. Tambah al-Daraqutni, riwayat daripada Yahya al-Qattan pula berbeza, di mana dia telah meriwayatkan daripada Isma‘il, dia berkata al-Sya‘bi telah menceritakan kepada kami bahawa ‘Umar RA telah melalui Talhah dan tidak disebut seorang pun perawi antara mereka berdua. Manakala Muhammad bin ‘Ubayd telah berkata: “*Daripada Isma‘il daripada seorang lelaki daripada al-Sya‘bi: ‘Umar telah melalui Talhah*”. Jelas al-Daraqutni, telah berlaku kesilapan pada sanad ini. Sebenarnya Muhammad bin ‘Ubayd ingin mengatakan daripada Isma‘il daripada al-Sya‘bi daripada seorang lelaki.

Hadith ini diriwayatkan juga oleh Syu‘bah daripada Isma‘il daripada al-Sya‘bi daripada seorang lelaki. Al-Daraqutni menjelaskan telah berlaku percanggahan pada perawi yang mengambil daripada Syu‘bah. Mujalid telah meriwayatkan daripada al-Sya‘bi dan berlaku percanggahan pada perawi yang mengambil daripadanya. Ibn Numayr berkata, daripada Mujalid daripada al-Sya‘bi daripada Jabir bin ‘Abd Allah di mana dia berkata: “*Aku telah mendengar bahawa ‘Umar RA berkata kepada Talhah*”. Berlaku percanggahan pada Abu Usamah di mana dia telah meriwayatkan daripada Mujalid daripada

⁶² Al-‘Uqayli, Abu Ja‘far Muhammad bin ‘Amru bin Musa bin Hammad (2000), *Kitab al-Du‘afa’* tahqiq Hamdi bin ‘Abd al-Majid, c. 1, Riyadh: Dar al-Sumay‘i, j. 2, no. Perawi: 520, h. 428.

⁶³ Al-Daraqutni (2011), *Al-‘Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*, j. 2, h. 273.

⁶⁴ *Ibid.*, j. 2, h. 596-601.

al-Sya'bi bahawa 'Umar RA telah bertanya kepada Talhah dan tidak disebut antara mereka berdua seorang perawi pun.

Menurut al-Daraqutni lagi, hadith ini turut diriwayatkan daripada Mansur bin al-Mu'tamir daripada Abi Wa'il. Dia menjadikan hadith ini bahawa Talhah bersama dengan Abu Bakr RA dan Talhah bertanya kepadanya. Pada sanad ini tidak juga disebut seorang perawi pun antara mereka berdua. Sanad ini diriwayatkan oleh Jarir, Syayban, 'Ubaydah bin Humayd daripada Mansur. Ujar al-Daraqutni lagi, 'Uthman al-Burri telah meriwayatkan hadith ini daripada Mansur daripada Abi Wa'il daripada Abi Musa bahawa Talhah telah bertanya kepada Abu Bakr RA. Al-Daraqutni menerangkan bahawa 'Uthman al-Burri adalah seorang perawi yang *matruk*. Sanad yang *ahsan* adalah hadith 'Ali bin Mushir dan mereka yang mengikutinya daripada Mutarrif daripada Sya'bi daripada Yahya bin Talhah daripada ayahnya, *wa Allah a'lam*. Berikutnya, al-Daraqutni membuat tambahan ulasan bahawa hadith Mis'ar daripada Isma'il bin Abi Khalid *hasan al-isnad* juga. Sekiranya sanad ini *mahfuz*, maka sesungguhnya Yahya bin Talhah telah menghafalnya daripada ayahnya daripada ibunya. *Wa Allah a'lam*.

Analisis:

Al-Daraqutni dalam perbincangan di atas telah menggunakan istilah *hasan* pada akhir perbincangannya mengenai hadith tersebut. Pada pandangan pengkaji, istilah *hasan* yang dipakai oleh al-Daraqutni dalam perbincangan di atas adalah merujuk kepada konteks bahasa, iaitu bermaksud bagus, baik dan seumpama dengannya.

Menyokong pendirian ini pada pandangan pengkaji adalah apabila al-Daraqutni menjelaskan bahawa sanad 'Ali bin Mushir dan mereka yang mengikutinya daripada Mutarrif daripada Sya'bi daripada Yahya bin Talhah daripada ayahnya merupakan sanad yang *ahsan* (terbaik) berbanding sanad-sanad lain yang telah dibentangkan sebelum itu. Sanad daripada 'Ali bin Mushir telah diriwayatkan oleh al-Nasa'i dalam *al-Sunan al-Kubra*, manakala dua perawi lain yang mengikutinya pula adalah Asbat dan Salih bin 'Umar sebagaimana diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*.⁶⁵ Secara tidak langsung, sanad ini merupakan sanad yang *ditarjih*kan oleh al-Daraqutni bagi hadith di atas.

Kemudian, al-Daraqutni sekali lagi menjelaskan bahawa hadith melalui sanad Mis'ar daripada Isma'il bin Abi Khalid juga adalah *hasan al-isnad*. Istilah ini pada pandangan pengkaji terdapat dua kemungkinan. Pertama, ia merujuk kepada makna baik, bagus dan seumpamanya. Ini dikuatkan apabila al-Daraqutni berkata: "*Sanad Mis'ar daripada Isma'il bin Abi Khalid juga adalah hasan*". Ini menunjukkan sanad sebelum ini iaitu daripada Mutarrif daripada Sya'bi daripada Yahya bin Talhah daripada ayahnya dinilai sebagai paling baik (*ahsan*), maka sanad ini juga baik (*hasan*). Malah, al-Daraqutni berkata: "*Sekiranya sanad ini mahfuz, maka sesungguhnya Yahya bin Talhah telah menghafalnya daripada ayahnya daripada ibunya*".

Manakala kedua, kemungkinan yang dimaksudkan oleh al-Daraqutni adalah *gharib*. Pandangan ini dikuatkan apabila dalam karyanya *al-Afrad wa al-Ghara'ib*, beliau nyatakan bahawa ia adalah *gharib* daripada hadith Isma'il bin Abi Khalid daripada al-Sya'bi daripada Yahya bin Abi Talhah daripada ibunya Su'da daripada Talhah daripada Nabi SAW. Tambah al-Daraqutni lagi, Mis'ar bin Kidam telah meriwayatkannya secara *al-tafarrud* daripada Isma'il dan ia *gharib* daripada hadith Mis'ar. Muhammad bin 'Abd al-Wahhab al-Qannad telah meriwayatkannya secara *al-tafarrud* dan Harun bin Ishaq telah meriwayatkan secara *al-tafarrud* daripada al-Qannad.⁶⁶

⁶⁵ Ahmad bin Hanbal (1995), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal* tahqiq Syu'ayb al-Arna'ut et.al, c.1, Beirut: Muassasah al-Risalah, j. 3, no. Hadith: 1384 & 1386, h. 8-9; Al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'ayb (2001), *Kitab al-Sunan al-Kubra* tahqiq Syu'ayb al-Arna'ut, c. 1, Bayrut: Mu'assasah al-Risalah, j. 9, no. Hadith: 10873, h. 403.

⁶⁶ Ibn Tahir al-Maqdisi, Abu al-Fadl Muhammad bin Tahir bin 'Ali (1998), *Atraf al-Ghara'ib wa al-Afrad min Hadith Rasulillah Sallallah 'Alayh wa Sallam li al-Imam al-Daraqutni* tahqiq Mahmud Muhammad Mahmud Hassan Nassar & al-Sayyid Yusuf, c. 1, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 1, no. Hadith: 466, h. 309.

3. Soalan ke-2696:

وسئل عن حديث شهر بن حوشب ، عن أبي أمامة ، عن النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: في فضل الصلاة ، وفي فضل الوضوء⁶⁷

Maksudnya: Telah ditanya kepada al-Daraqutni tentang hadith Syahr bin Hawsyab daripada Abi Umamah daripada Nabi SAW berkenaan kelebihan Solat dan wudhuk.

Menurut al-Daraqutni, hadith ini diriwayatkan oleh Qatadah, Syimr bin ‘Atiyyah, ‘Asim bin Bahdalah, ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman bin Abi Husayn, ‘Abd al-Hamid bin Bahram dan al-‘Ala’ bin Hilal al-Bahili daripada Syahr daripada Abi Umamah. Jelas al-Daraqutni lagi, Hisyam al-Dastuwa’i dan Sa’id bin Abi ‘Arubah telah meriwayatkan daripada Qatadah. Manakala ‘Amru bin Murrah, al-A‘masyh, Fitr dan Raqbah bin Musqalah telah meriwayatkannya daripada Syimr.⁶⁸

Ujar al-Daraqutni lagi, telah berlaku percanggahan perawi yang mengambil daripada ‘Asim bin Bahdalah. Zayd bin Abi Unaysah menerusi riwayat Yazid bin Sinan telah meriwayatkan daripada ‘Asim daripada Syimr. Berlaku percanggahan daripada ‘Ubayd Allah bin ‘Amru di mana dia telah meriwayatkan daripada Zayd daripada ‘Asim daripada Syahr. Tidak disebut nama Syimr antara mereka berdua (‘Asim dan Syahr). Demikian juga riwayat daripada Abu Bakr bin ‘Ayyash, Za’idah dan Abu al-Asyhab Ja’far Ibn al-Harith daripada ‘Asim dari Syahr.⁶⁹

Seterusnya al-Daraqutni menyatakan bahawa hadith ini juga diriwayatkan daripada Ibn Abi Husayn Ibrahim bin Nasyit al-Wa’lani bersendirian. Mereka bersepakat bahawa Syahr telah meriwayatkan hadith ini Abi Umamah dan Ibn Abi Husayn pada hadithnya daripada Syahr di mana dia berkata: “*Telah menceritakan kepadaku Abu Umamah*”. Demikian juga ‘Ubayd Allah bin ‘Amru dari Zayd bin Abi Unaysah daripada ‘Asim dari Syahr di mana dia berkata: “*Telah menceritakan kepadaku Abu Umamah*”.⁷⁰

Al-Daraqutni turut menjelaskan bahawa hadith ini diriwayatkan oleh Zur‘ah bin Ibrahim al-Qurasyi dari Syahr dan terdapat tambahan antaranya dan Abu Umamah perawi bernama ‘Abd al-Rahman bin Ghanam dan dia tidak melakukan sesuatu pun. Yang tepat adalah hadith Syahr di mana dia telah mendengar daripada Abi Umamah. Zayd bin Abi Unaysah pula terdapat sanad yang lain iaitu daripada ‘Adi bin Thabit daripada Salim bin Abi al-Ju’d daripada Abi Umamah. Tambah al-Daraqutni, sanad hadith ini *hasan gharib*.⁷¹

Analisis:

Dalam perbincangan di atas, al-Daraqutni telah mengemukakan beberapa sanad bagi hadith tersebut. Merujuk kepada perbincangan ini, al-Daraqutni dilihat telah *mentarjihkan* sanad daripada sekumpulan perawi seperti Qatadah, Syimr, ‘Asim, ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman bin Abi Husayn, ‘Abd al-Hamid dan al-‘Ala’ daripada Syahr daripada Abi Umamah. Ini jelas apabila beliau berkata: “...yang tepat adalah hadith Syahr di mana dia mendengar daripada Abi Umamah”.

Istilah *hasan* dipakai oleh al-Daraqutni ketika beliau menjelaskan mengenai sanad Zayd bin Abi Unaysah daripada ‘Adi bin Thabit daripada Salim bin Abi al-Ju’d daripada Abi Umamah. Dalam komentarnya, beliau nyatakan sanad hadith ini sebagai *hasan gharib*. Pada pandangan pengkaji, istilah *hasan* yang terdapat dalam komentar ini membawa maksud sanad tersebut *gharib*. Hal ini jelas apabila istilah *hasan* digandingkan dengan perkataan *gharib* selepasnya, seolah-olah penjelasan lanjut daripada al-Daraqutni berkenaan kondisi sanad tersebut.

⁶⁷ Al-Daraqutni (2011), *Al-‘Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*, j. 8, h. 441.

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ *Ibid.*

Malah, sebenarnya pandangan ini dikuatkan apabila al-Tabarani (m. 360 H) telah meriwayatkan hadith ini dalam *al-Mu'jam al-Kabir* melalui sanad Yazid bin Muhammad bin Yazid bin Sinan daripada ayahnya daripada datuknya daripada Zayd bin Abi Unaysah dan 'Abd Allah bin 'Ali daripada 'Adi bin Thabit daripada Salim bin Abi al-Ju'd daripada Abi Umamah.⁷² Demikian juga dalam *al-Awsat*, beliau turut meriwayatkan hadith ini melalui sanad yang sama iaitu daripada Yazid bin Muhammad bin Yazid bin Sinan daripada ayahnya daripada datuknya daripada Zayd bin Abi Unaysah dan 'Abd Allah bin 'Ali dari 'Adi bin Thabit dari Salim bin Abi al-Ju'd daripada Abi Umamah.⁷³ Menariknya, al-Tabarani dalam *al-Awsat* turut meriwayatkan dua buah hadith lain melalui sanad Yazid bin Muhammad bin Yazid bin Sinan daripada ayahnya daripada datuknya daripada Zayd bin Abi Unaysah dan 'Abd Allah bin 'Ali, kemudian beliau memberikan komentar seperti berikut: “*hadith-hadith berikut tidak diriwayatkan dari 'Abd Allah bin 'Ali (iaitu Abu Ayyub al-Ifriqi) melainkan Abu Farwah Yazid bin Sinan sahaja. Kemudian Yazid bin Muhammad bin Sinan telah meriwayatkan darinya secara tafarrud*”.⁷⁴

KESIMPULAN

Terdapat pelbagai makna istilah *hasan* yang digunakan oleh para sarjana hadith. Berdasarkan analisis dan penelitian pengkaji, didapati bahawa istilah *hasan* di sisi al-Daraqutni memberi makna dalam konteks bahasa. Ia merangkumi maksud baik, bagus dan tidak ketinggalan membawa maksud *gharib*. Kenyataan ini berdasarkan komentar beliau terhadap sanad tertentu yang diriwayatkan secara bersendirian oleh perawi dengan melakukan penambahan ulasan bahawa seorang perawi sahaja yang mengambil riwayat tersebut daripada gurunya. Justeru, dapatlah dikatakan bahawa istilah *hasan* yang dipakai oleh al-Daraqutni tidak lari daripada makna *hasan* yang dikemukakan oleh beberapa sarjana hadith yang lain. Dapatan juga turut menunjukkan bahawa ia kadangkala tidak mempengaruhi status sesuatu hadith. Justeru, kemungkinan istilah *hasan* yang dipakai oleh al-Daraqutni berada pada kategori hadith *maqbul* dan juga *mardud*.

RUJUKAN

- Abu Mu'adh, Tariq bin 'Iwad Allah. (2009). *Syarh Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*. c. 1. Riyadh: Dar al-Mughni.
- Anonymus. (1984). *Su'alat Hamzah bin Yusuf al-Sahmi li al-Daraqutni wa Ghayrihi min al-Masyayikh fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. (Muwafaq bin 'Abd Allah bin 'Abd al-Qadir, Ed.). c. 1. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Daraqutni, Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar bin Ahmad bin Mahdi. (2011). *Al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*. (Mahfuz al-Rahman Zayn Allah al-Silafi & Khalid bin Ibrahim al-Misri, Ed.). c. 1. Riyadh: Dar al-Taybah.
- Al-Dhahabi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1992). *Al-Ruwat al-Thiqat al-Mutakallam Fihim bi ma la Yujibu Raddahum*. Muhammad Ibrahim al-Musili, Ed.). c. 1. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- Al-Durays, Khalid bin Mansur. (20005). *Al-Hadith al-Hasan li Dhatih wa li Ghayrih*. c. 1. Riyadh: Dar Adwa' al-Salaf.
- Al-Hamawi, Syihab al-Din 'Abd Allah Yaquf bin 'Abd Allah. (1977). *Mu'jam al-Buldan*. Beirut: Dar al-Sadir.

⁷² Al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad (t.t.), *Mu'jam al-Kabir* tahqiq Hamdi 'Abd al-Majid al-Silafi, c. 2, Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, j. 8, no. Hadith: 7984, h. 301.

⁷³ Al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad (1995), *Al-Mu'jam al-Awsat* tahqiq Tariq bin 'Iwad Allah & 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim, Kaherah: Dar al-Haramayn, j. 4, no. Hadith: 4440, h. 362.

⁷⁴ *Ibid*.

- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali bin Thabit. (1996). *Al-Jami‘ li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami‘*. (Salah bin Muhammad bin ‘Uwaydah, Ed.). c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khattabi, Abu Sulayman Hamad bin Muhammad bin Ibrahim. (1932). *Ma‘alim al-Sunan*. (Muhammad Raghib al-Tabbakh, Ed.). c. 1. Halab: Matba‘ah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nasa’i, Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad bin Syu‘ayb. (2001). *Kitab al-Sunan al-Kubra*. (Syu ‘ayb al-Arna’ut, Ed.). c. 1, Bayrut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Ramahurmuzi, al-Hasan bin ‘Abd al-Rahman. (t.t.), *Al-Muhaddith al-Fasil Bayna al-Rawi wa al-Wa‘i, Bab Man Kariha an Yarwiya Ahsana ma ‘Indahu*. T.T.P: T.PT.
- Al-Sakhawi, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin ‘Abd al-Rahman. (2003). *Fath al-Mughith bi Syarh Alfiyah al-Hadith li al‘Iraqi*. (‘Ali Husayn ‘Ali, Ed.). T.T.P.: Dar al-Imam al-Tabari.
- Al-Sakhawi, Syams al-Din Muhammad bin ‘Abd al-Rahman. (t.t.). *Al-I‘lan bi al-Tawbikh li Man Dham al-Tarikh*. (Salih Ahmad al-‘Ili, Terj.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-San‘ani, Muhammad bin Isma‘il. (2011), *Tawdih al-Afkar Syarh Tanqih al-Anzar*. (Muhammad Muhib al-Din Abu Zayd, Ed.). c. 1. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Subki, Taj al-Din Abu Nasr ‘Abd al-Wahhab bin ‘Ali bin ‘Abd al-Kafi. (t.t.). *Tabaqat al-Syafi‘iyyah al-Kubra*. (Mahmud Muhammad al-Tanahi & ‘Abd al-Fattah Mahmud al-Hulu, Ed.). Halab: Dar Ihya’ al-Kutub al- ‘Arabiyyah.
- Al-Sulami. (1988). *Su‘alat Abu ‘Abd al-Rahman al-Sulami li al-Daraqutni*. (Sulayman Atasy, Ed.). Riyadh: Dar al-‘Ulum.
- Al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad. (1995). *Al-Mu‘jam al-Awsat*. (Tariq bin ‘Iwad Allah & ‘Abd al-Muhsin bin Ibrahim, Ed.). Kaherah: Dar al-Haramayn.
- Al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad. (t.t.). *Mu‘jam al-Kabir*. Hamdi ‘Abd al-Majid al-Silafi, Ed.). c. 2. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad bin ‘Isa bin Sawrah. (t.t.). *Sunan al-Tirmidhi*. Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Ed.). c. 1. Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif.
- Al-‘Uqayli, Abu Ja‘far Muhammad bin ‘Amru bin Musa bin Hammad (2000), *Kitab al-Du‘afa’*. (Hamdi bin ‘Abd al-Majid al-Silafi, Ed.). c. 1. Riyadh: Dar al-Sumay‘i.
- Al-Zarkasyi, Badr al-Din Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Jamal al-Din ‘Abd Allah bin Bahadir. (1998). *Al-Nukat ‘ala Muqaddimah Ibn al-Salah*. (Zayn al-‘Abidin bin Muhammad, Ed.). c. 1. Riyadh: Maktabah Adwa’ al-Salaf.
- Al-Zirikli, Khayr al-Din bin Mahmud. (2002). *al-A‘lam Qamus Tarajim li Asyhar al-Rijal wa al-Nisa’ min al-‘Arab wa al-Mu‘tarabin wa Musytariqin*. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- Damfu, ‘Abd Allah bin Muhammad Hasan. (1999). *Marwiyyat al-Imam al-Zuhri al-Mu‘allah fi Kitab al-‘Ilal li al-Daraqutni*. c. 1. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Hanbal, Ahmad bin Muhammad. (1995). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal tahqiq Syu‘ayb al-Arna’ut et al*, c.1, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Hosnol Khatimah. (2016). *Konsistensi Status Hasan Imam Tirmidhi Dalam Kitab Sunan Al-Tirmidhi*, Latihan Ilmiah, UIN Sunan Ampel Surabaya. Kutipan daripada <http://digilib.uinsby.ac.id/13356/>.

- Ibn Abi Hatim, ‘Abd al-Rahman al-Razi. (2014). *‘Ilal al-Hadith li Ibn Abi Hatim*. (Abu Ya‘qub al-Misri, Ed.). c. 1, Kaherah: Al-Faruq al-Hadithah.
- Ibn Abi Hatim, Abu Muhammad ‘Abd al-Rahman bin Abi Hatim. (1952). *Kitab al-Jarh wa al-Ta‘dil*. c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Jawzi, Jamal al-Din Abu al-Farj ‘Abd al-Rahman bin ‘Ali bin Muhammad. (1996). *Kitab al-Mawdu‘at*. (‘Abd al-Rahman Muhammad ‘Uthman, Ed.). c. 1, Madinah: Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Ibn al-Jazri, Syams al-Din Abu al-Khayr Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin al-Jazri. (2006). *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra’*. (G. Bergstraesser, Ed.). c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Salah, Abu ‘Amru ‘Uthman bin ‘Abd al-Rahman Al-Syahrhiri (2017), *‘Ulum al-Hadith*. (Nur al-Din ‘Itr, Edc. 22, Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyya. (t.t.). *Mu‘jam Maqayis al-Lughah*. (‘Abd al-Salam Muhammad Harun, Ed.). T.T.P.: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali al-‘Asqalani. (2013). *Al-Nukat ‘ala Kitab Ibn al-Salah wa ‘ala Nukat al-Iraqi*. (‘Ali ‘Abd al-Basit Mazid, Ed.). c. 1. Kaherah: Maktabah al-Iman.
- Ibn Hajar, Syihab al-Din Ahmad bin ‘Ali. (2012). *Taqrib al-Tahdhib*. (Muhammad ‘Awwamah, Ed.). c. 9. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad Abi Hatim al-Tamimi al-Busti. (1973). *Kitab al-Thiqat*. c. 1. India: Wizarah al-Ma‘arif li al-Hukumah al-‘Aliyah al-Hindiyah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma‘il bin ‘Umar. (1996). *Al-Ba‘ith al-Hathih Syarh Ikhtisar ‘Ulum al-Hadith*. (‘Ali Hasan ‘Abd al-Hamid, Ed.). c. 1. Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma‘il bin ‘Umar. (1998). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. (‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki, Ed.). c. 1. Jizah: Dar al-Hajr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram bin ‘Ali bin Ahmad. (t.t.). *Lisan al-‘Arab*. (‘Abd Allah ‘Ali al-Kabir et al., Ed.). Kaherah: Dar al-Ma‘arif.
- Ibn Rajab, Zayn al-Din Abi al-Farj ‘Abd al-Rahman bin Ahmad al-Hanbali. (2014). *Syarh ‘Ilal al-Tirmidhi*. (Nur al-Din ‘Itr, Ed.). c. 2. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Tahir al-Maqdisi, Abu al-Fadl Muhammad bin Tahir bin ‘Ali. (1998). *Atraf al-Ghara‘ib wa al-Afrad min Hadith Rasulillah Sallallah ‘Alayh wa Sallam li al-Imam al-Daraqutni*. (Mahmud Muhammad Mahmud Hassan Nassar & al-Sayyid Yusuf, Ed.). c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- ‘Itr, Nur al-Din. (2014). *Al-Imam al-Tirmidhi wa al-Muwazanah Jami‘ihi wa Bayn al-Sahihayn*. c. 1. Kaherah: Dar al-Basa‘ir.
- Kilani Muhammad Khalifah. (2010). *Manhaj al-Imam al-Daraqutni fi Kitabih al-Sunan wa Atharihi fi Ikhtilaf al-Fuqaha’*. c. 1, Kaherah: Dar al-Muhaddithin.
- Mohd Aizul bin Yaakob. (2020). *Manhaj Penentuan ‘Illah Terhadap Periwiyatan Hadith secara al-Tafarrud oleh al-Daraqutni dalam al-‘Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.